



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2023**  
**BAHASA MELAYU**  
**KERTAS 1**  
**Tingkatan 5**  
**Peraturan Pemarkahan Kertas 1**

**1103/1**

---

**KERTAS 1**

**Markah penuh : 100**

**1.0 Tujuan Pengujian: Untuk menguji kebolehan calon dalam:**

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

**2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan**

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

## BAHAGIAN A: KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN

[30 Markah]

### KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT        | SKOR MARKAH   | KRITERIA   |
|------------------|---|--|
| <b>Cemerlang</b> | 28 – 30 markah<br>(Cemerlang tinggi)<br><br>26 – 30 markah<br><br>26 – 27 markah<br>(Cemerlang bawah) | <p><b>Tema/Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan</li> <li>• Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li> <li>• Unsur Bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• Penggunaan <b>*ungkapan menarik*</b> yang sesuai dan tepat.</li> <li>• Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan tanda baca betul dan tepat.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan menarik dan berkesan.</li> <li>• Laras bahasa sesuai mengikut tugas.</li> <li>• Wacana lengkap.</li> <li>• Pemerenggan sesuai.</li> </ul> <p><b>*Ungkapan menarik:</b> perbahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain*</p> |
| <b>Kepujian</b>  | 23 – 25 markah<br>(Kepujian atas)<br><br>20 -25 markah<br><br>20 -22 markah<br>(Kepujian bawah)       | <p><b>Tema/Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan</li> <li>• Huraian jelas</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>gramatis</b> dari segi kata dan ayat</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b></li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b></li> </ul>  |

|                           |   |  |
|---------------------------|---|--|
|                           |   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>Penggunaan tanda baca betul dan tepat.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>menarik</b></li> <li><b>Laras</b> bahasa sesuai mengikut tugas</li> <li>Wacana <b>lengkap</b></li> <li>Pemerenggan <b>sesuai</b>.</li> </ul>   |
| <b>Memuaskan</b>          | <p>17 - 19 markah<br/>(Memuaskan atas)</p> <p>15 -19 markah</p> <p>15 - 16 markah<br/>(Memuaskan bawah)</p>             | <p><b>Tema/Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>Huraian <b>masih</b> jelas.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>masih</b> luas</li> <li>Unsur Bahasa yang digunakan <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan</b> ejaan yang <b>ketara</b>.</li> <li>Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>masih</b> menarik.</li> <li><b>Laras</b> bahasa <b>masih</b> sesuai mengikut tugas.</li> <li>Wacana <b>masih</b> lengkap.</li> <li>Pemerenggan <b>masih</b> sesuai.</li> </ul> |
| <b>Penguasaan minimum</b> | <p>12 – 14<br/>(Penguasaan minimum atas)</p> <p>10 -14 markah</p> <p>10 - 11 markah<br/>((Penguasaan minimum bawah)</p> | <p><b>Tema/Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>Huraian <b>kurang</b> jelas.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>Kesalahan-kesalahan tatabahasa <b>ketara</b>.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> </ul>  |

|  |   |   |
|--|---|---|
|  |   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang <b>ketara</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>kurang</b> menarik.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>kurang</b> sesuai mengikut tugas.</li> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap.</li> <li>• Pemerenggan <b>kurang</b> sesuai.</li> </ul> |
| <b>Tidak mencapai tahap penguasaan minimum</b> | <p>6 – 9 markah (TMTPM atas)</p> <p>1- 9 markah</p> <p>1 – 5 markah (TMTPM bawah)</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis</li> <li>• <b>Idea tidak menepati tema</b> bahan rangsangan/tugas.</li> <li>• <b>Banyak kesalahan bahasa</b> dari segi <b>kata</b> dan <b>ayat</b>.</li> </ul>   |

## PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN BAHAGIAN A ( 30 markah)

SOALAN BAHAGIAN A (30 markah)

**Format penulisan komen:**

**T menepati tema**

**1- relevan, huraian jelas**

**B gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas**

**P sangat menarik dan berkesan**

*Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan alam pekerjaan.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **alam pekerjaan** dalam kalangan masyarakat.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.*

### 2. Kehendak/tugasan soalan:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan persediaan-persediaan sebelum melangkah ke alam pekerjaan dalam kalangan remaja.
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu:
  - *Remaja mempunyai kemahiran berkomunikasi*
  - *Remaja berfikiran kreatif dan kritis*

- iii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan persediaan melangkah ke alam pekerjaan dalam kalangan remaja diterima dan disemak seperti biasa.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**. Calon yang menulis melebihi **210 patah perkataan** atau hingga ayat itu berakhir - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- vi. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**.

Jika calon menulis dalam bentuk poin - maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN (TMTPM)**

### **Cadangan Rangka Jawapan**

Pendahuluan:

- Setiap individu mempunyai cita-cita setiap sejak di bangku sekolah
- Kerjaya yang dipilih akan menentukan kejayaan hidup seseorang.
- Demi mencapai kejayaan, seseorang itu perlu berusaha untuk merealisasikannya.
- Terdapat pelbagai jenis kerjaya yang mencabar dan berisiko
- Remaja perlu menyiapkan diri dengan persediaan yang lengkap
- Peribahasa: Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang/di mana kemahuan di situ ada jalan

Isi Penting:

1. Mempunyai kemahiran berkomunikasi
  - Remaja perlu melengkapkan diri dengan kemahiran sosial seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran menyelesaikan masalah
  - Menguasai lebih banyak bahasa untuk menjadi modal insan yang kamil dan pada diri sendiri apabila berhadapan onak dan duri
  - Melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kokurikulum untuk mengaplikasikan kemahiran-kemahiran tersebut.
  - Membantu meningkatkan kemahiran sosial di tempat kerja
2. Berfikiran kreatif dan kritis
  - Remaja sewajarnya mempunyai pemikiran yang kreatif agar dapat membentuk jati diri yang mantap
  - Sebagai seorang pelajar yang ingin menceburi kerjaya yang diminati, remaja perlu memastikan diri seimbang dari segi fizikal dan mental Baharu
  - Berani mencuba sesuatu bidang yang Dengan minda yang kreatif, remaja mampu menangani masalah yang bakal ditempuhi pada masa hadapan
  - Kesannya, remaja dapat mengemukakan idea-idea yang bernas untuk menghasilkan keputusan yang tepat dan berkualiti
  - Mampu memberi nilai tambah kepada individu tersebut

Kesimpulan:

- Persediaan-persediaan tersebut merupakan prasyarat untuk mencapai cita-cita seseorang.
- Sentiasa menitikberatkan kemajuan diri dalam aspek jasmani, rohani, emosi dan
- Ungkapan menarik: tiada kejayaan tanpa usaha dan kesungguhan.

## BAHAGIAN B: KARANGAN RESPONS TERBUKA

[70 markah]

| PGKAT            | MAKAH            | KRITERIA   |
|------------------|------------------|--|
| <b>CEMERLANG</b> | <b>(60-70)</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat</li> <li>- penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis ejaan dan tanda baca betul</li> <li>- laras bahasa sesuai dengan tugas</li> <li>- penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>- idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>,</li> <li>- disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li>- pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai</li> <li>- wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan</li> <li>- penggunaan unsur bahasa bervariasi</li> <li>- gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa</li> </ul>                |
| <b>KEPUJIAN</b>  | <b>(50 – 59)</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat</li> <li>- penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- ejaan dan tanda baca betul</li> <li>- laras bahasa sesuai dengan tugas</li> <li>- penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>- idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li>- pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai</li> <li>- wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan</li> <li>- penggunaan unsur bahasa bervariasi</li> <li>- gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa</li> </ul> |
| <b>BAIK</b>      | <b>(40 - 49)</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai</li> <li>- penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis ttp terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- penggunaan kosa kata umum</li> <li>- laras bahasa sesuai mengikut tugas</li> <li>- idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai</li> <li>- wacana masih lengkap</li> <li>- penggunaan unsur bahasa masih bervariasi</li> <li>- gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan</li> </ul>  |

|   |                       |  |
|---|-----------------------|--|
| <p><b>MEMUASKAN</b></p>                               | <p><b>(30-39)</b></p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan pelbagai jenis kata terhad</li> <li>- ayat kurang gramatis</li> <li>- ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- laras bahasa kurang sesuai</li> <li>- idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai</li> <li>- wacana masih/kurang lengkap</li> <li>- penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi</li> <li>- gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan</li> </ul>              |
| <p><b>KURANG MEMUASKAN</b></p>                        | <p><b>(20-29)</b></p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan kata kurang tepat</li> <li>- ayat tidak gramatis tetapi masih difahami</li> <li>- terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</li> <li>- idea masih relevan/idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai</li> <li>- pengolahan tidak menarik</li> <li>- wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang</li> <li>- Unsur bahasa tidak bervariasi/lemah</li> <li>- gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah</li> </ul> |
| <p><b>PENCAPAIAN MINIMUM</b></p>                      | <p><b>(10-19)</b></p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis</li> <li>- kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</li> <li>- idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai</li> <li>- pengolahan tidak menarik</li> <li>- wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidakseimbang dan tidak sesuai</li> <li>- gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> </ul>  |
| <p><b>TIDAK MENCAPAI TAHAP PENCAPAIAN MINIMUM</b></p> | <p><b>(01-09)</b></p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Keseluruhan karangan sukar/tidak difahami</li> </ul>  |

## SOALAN BAHAGIAN B

1. Format penulisan komen:
  - T – menjawab tugas
  - I – relevan, huraian jelas
  - B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
  - P – menarik dan berkesan

### Soalan 1

Merdeka! Merdeka! Merdeka. Teriakan suara hangat, suara penuh semangat, suara keramat yang keluar daripada jiwa yang merdeka. Zaman dulu-dulu, ketika nenek moyang kita menyebut serta melafazkan perkataan ini dengan suara bergetar yang mempunyai rasa dalam jiwa kerana berasa sangat-sangat terharu, sangat gembira dan sangat bersyukur. Kini bagaimana perasaan kita apabila perkataan merdeka ini disebut atau dilafazkan? Adakah kita berasa terharu? Adakah kita berasa bersyukur? Atau paling tidak, adakah kita rasa bangga?

(Dipetik daripada 'Semangat patriotisme perlu dijiwai, bukan sekadar simbolik', oleh Dr Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, *BH Online*, 18 September 2014)

Berdasarkan petikan ini, teriakan merdeka mempunyai makna yang mendalam bagi masyarakat terdahulu, tetapi kini anak-anak muda sekarang kurang menghayati ungkapan merdeka ini.

Bincangkan **langkah-langkah** menyemarakkan semangat patriotik dalam diri generasi muda kini.

### Kehendak / tugas soalan

1. **Calon dikehendaki menghuraikan langkah-langkah menyemarakkan semangat patriotik dalam diri generasi muda:**
  - Ibu bapa hendaklah membelikan anak-anak mereka buku-buku yang bertemakan patriotik serta buku-buku biografi tokoh-tokoh yang pernah mengharumkan nama negara.
  - Ibu bapa menanam semangat mencintai tanah air dengan cara menghidupkan adat dan budaya di negara ini dalam diri anak-anak.
  - Ibu bapa mengajak anak-anak melawat ke tempat bersejarah.
  - Pihak sekolah hendaklah menganjurkan sambutan bulan kemerdekaan
  - Televisyen dan radio hendaklah menyiarkan rancangan atau program yang dapat meningkatkan semangat patriotik.

### Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan langkah/cara/usaha menyemarakkan semangat patriotik dalam diri generasi muda - terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan langkah-langkah menyemarakkan semangat patriotik secara **UMUM** - maksimum Kepujian.



## CADANGAN JAWAPAN

Langkah-langkah menyemarakkan semangat patriotik dalam diri generasi anak-anak muda kini.

Isi 1

**Ibu bapa hendaklah membelikan anak-anak mereka buku-buku yang bertemakan patriotik serta buku-buku biografi tokoh-tokoh yang pernah mengharumkan nama negara.**

- Biografi tokoh-tokoh negarawan seperti Tun Mahathir Mohamad, buku-buku perjuangan tokoh-tokoh silam seperti tokoh Leftenan Adnan dalam Novel Pahlawan Pasir Salak, dan tokoh Dato' Bahaman dalam novel Darah Titik di Semantan .

Isi 2

Ibu bapa menanam semangat mencintai tanah air dengan cara menghidupkan adat dan budaya di negara ini dalam diri anak-anak.

- Sebagai contohnya, ibu bapa menanamkan budaya beramah mesra dengan jiran tetangga, budaya kunjung-mengunjungi ketika rumah terbuka dan budaya tolong menolong walaupun berlainan bangsa.

Isi 3

**Ibu bapa mengajak anak-anak melawat ke tempat bersejarah.**

- Ibu bapa membawa anak-anak berkunjung ke tempat yang bersejarah seperti mengunjungi A Famosa di Melaka, Makam Hang Tuah dan sebagainya.
- Lawatan ke tempat-tempat bersejarah dapat membuka minda mereka akan keperitan pejuang terdahulu untuk membangunkan dan membebaskan negara ini daripada penjajah.

Isi 4

**Pihak sekolah hendaklah menganjurkan sambutan bulan kemerdekaan.**

- Pihak sekolah haruslah menganjurkan bulan Kemerdekaan di sekolah masing-masing agar semangat cinta akan tanah air dapat dipupuk dalam diri para pelajar.
- Pelbagai pertandingan seperti pidato, koir , kuiz dan sebagainya dianjurkan
- Ceramah berkaitan sejarah tanah air kepada semua pelajar serta tayangan filem yang bertemakan patriotik.

Isi 5

**Televisyen dan radio hendaklah menyiarkan rancangan atau program yang dapat meningkatkan semangat patriotik.**

- menyiarkan filem-filem yang dapat membangkitkan semangat patriotik.
- mengadakan rancangan khas pada sambutan bulan Kemerdekaan.
- Radio - menyiarkan lagu-lagu patriotik setiap hari , serta mengadakan temu bual bersama tokoh-tokoh negara yang mengharumkan negara.

## Soalan 2

Data terkini mendedahkan bahawa hampir 50% pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari sesi persekolahan 2021 telah memilih untuk tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Kos sara hidup yang tinggi perlu ditanggung oleh pelajar dan keluarga sepanjang pengajian menjadi punca utama berlakunya kemerosotan minat mereka untuk melanjutkan pengajian. Selain itu, ramai juga pelajar berkeinginan untuk berdikari dan membina peluang untuk menjana pendapatan sendiri. Kurangnya keyakinan terhadap impak serta manfaat jangka masa panjang selepas melanjutkan pengajian turut mempengaruhi keputusan mereka.

Sumber: <https://berita.rtm.gov.my>

Berdasarkan petikan di atas, huraikan **faktor-faktor** yang menyebabkan pelajar memilih untuk berhenti belajar.

### **Kehendak / tugas soalannya :**

Calon dikehendaki menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan pelajar memilih untuk berhenti belajar seperti yang terdapat dalam petikan iaitu :

- kos sara hidup yang tinggi perlu ditanggung oleh pelajar dan keluarga sepanjang pengajian
- berkeinginan untuk berdikari dan membina peluang untuk menjana pendapatan sendiri
- kurangnya keyakinan terhadap impak serta manfaat jangka masa panjang selepas melanjutkan pengajian

### **Kemungkinan jawapan :**

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea-idea lain – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan idea lain (faktor-faktor) tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum Kepujian.

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm  
BM K1 Sabah 2023

### Soalan 3

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang calon gagal dalam temu duga kerana prestasi semasa proses temu duga kurang memuaskan. Hal ini disebabkan oleh calon tidak membuat persediaan dari segi mental dan fizikal dan tiada pengetahuan berkaitan jawatan yang dimohon. Selain itu, tidak dapat mengemukakan dokumen yang lengkap semasa proses temu duga juga menyebabkan masalah ini berlaku.

Sumber: <https://spa.gov.my>

Berdasarkan petikan di atas, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan individu gagal dalam temu duga.

Beri komen anda.

#### **Kehendak / tugas soalannya :**

Calon dikehendaki menghuraikan **faktor-faktor** yang menyebabkan individu gagal dalam temu duga seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu :

- Tidak membuat persediaan dari segi mental dan fizikal
- Tiada pengetahuan tentang jawatan yang dimohon
- Tidak mengemukakan dokumen yang lengkap

#### **Kemungkinan jawapan :**

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea-idea lain – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan idea lain (faktor-faktor) tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum Kepujian.

### Soalan 4

Sebagai jiran yang baik seseorang itu seharusnya mengenali siapa yang tinggal di kiri, kanan, belakang, hadapan dan juga sekitar rumahnya. Melalui kaedah ini, seseorang itu akan lebih peka dengan masalah dan situasi yang dihadapi oleh jiran. Kesusahan yang ditanggung oleh jiran mereka hendaklah dibantu semampu mungkin. Pertolongan yang diberikan akan memberikan seribu rahmat kepada mereka yang berada dalam kesusahan.

Diubah suai daripada  
‘Kita Saling Memerlukan’  
<https://www.hmetro.com.my>  
6 Sept 2023

Sebagai respons terhadap petikan di atas, semangat kejiranan perlu diperkukuh dalam kalangan masyarakat.

Jelaskan **manfaat-manfaat** yang diperoleh oleh seseorang yang mengamalkan semangat kejiranan dengan baik.

**Kehendak / tugas soal:**

Calon dikehendaki menjelaskan manfaat-manfaat yang diperoleh oleh seseorang yang mengamalkan semangat kejiranan dengan baik.

**Kemungkinan jawapan:**

1. Calon manfaat/faedah yang diperoleh oleh seseorang - terima seperti biasa.
2. Calon menkelaskan langkah dan faedah yang diperoleh oleh seseorang - **KEPUJIAN**
4. Calon menghuraikan langkah memperkukuh semangat kejiranan ) – maksimum **memuaskan**
  - Jika calon menulis dalam bentuk poin - maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**
  - Bilangan perkataan 511 dan ke atas maksimum peringkat **KEPUJIAN**
  - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah-maksimum peringkat **BAIK**

**Cadangan Isi**

|                                    |  |
|------------------------------------|--|
| Isi 1                              | <b>Memperoleh ramai kawan dan kenalan</b>  |
| Mengapa                            | Setiap individu memerlukan orang lain/ rakan di samping mereka   |
| Bagaimana                          | Berusaha mewujudkan interaksi yang baik  |
| Contoh                             | Bergaul dengan jiran yang berada di sekeliling tempat tinggal  |
| Kesan                              | Dapat menjalinkan persahabatan dan menambah kenalan  |
| Peribahasa                         | Tak kenal maka tak cinta   |
| <br>                               |  |
| Isi 2                              | <b>Dapat menjalankan urusan harian dengan lebih mudah efektif</b>  |
| Mengapa                            | Tidak berseorangan ketika menghadapi sesuatu masalah   |
| Bagaimana                          | Boleh meminta bantuan jiran atau senang hati menghulurkan bantuan kepada jiran mengikut kemampuan  |
| Contoh                             | Mendapatkan bantuan jiran sekiranya berlaku kecemasan, jenayah atau mengadakan majlis  |
| Kesan                              | Urusan seseorang itu akan menjadi lebih mudah  |
| Peribahasa                         | Bagai pucuk dilancarkan  |
| <br>                               |  |
| Isi 3                              | <b>Dapat memastikan keselamatan diri sentiasa terjamin</b>   |
| Mengapa                            | Hidup berjiran menjadikan hubungan lebih rapat   |
| Bagaimana                          | Seseorang itu akan melakukan perkara yang terbaik untuk melindungi jira mereka yang dilanda masalah  |
| Contoh                             | Jiran akan berusaha membantu melindungi keselamatan diri seseorang ketika ditimpa petaka dan mengawasi kawasan rumah jiran yang ditinggalkan |
| Kesan                              | Keselamatan individu yang mengamalkan kejiranan akan lebih terjamin  |
| Peribahasa                         | Seperti aur dengan tebing  |
| Idea lain boleh diterima sekiranya | <b>SESUAI</b>  |